

06 Jun 2012

Staf Exco PP dituduh kes dadah

BUKIT MERTA JAM 5 Jun - Seorang pembantu khas kepada Exco Pulau Pinang mengaku tidak bersalah di Mahkamah Majistret di sini hari ini atas tuduhan berkaitan dadah tahun lalu.

Aidi Rafizul Idrus, 36, mengaku tidak bersalah dan minta dibicarakan atas pertuduhan memasukkan dadah jenis amphetamine ke dalam badannya di Pejabat Bahagian Siasatan Jenayah Narkotik, Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Seberang Perai Tengah kira-kira pukul 11.05 pagi, 29 November tahun lalu.

Tertuduh adalah pembantu khas kepada Exco Pertanian dan Asas Tani, Pembangunan Luar Bandar dan Tebatan Banjir Pulau Pinang, Law Choo Kiang didakwa mengikut Seksyen 15(1) (a) Akta Dadah Berbahaya 1952.

Seksyen itu memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau denda RM5,000, jika sabit kesalahan.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya, Siti Nor Sakinah Ibrahim manakala tertuduh diwakili peguam, V. S. Kumar.